

09 FEBRUARI 2018

Dua ke tali gantung

NASIONAL | JUMAAT 9 FEBRUARI 2018 • SINAR HARIAN

Dua ke tali gantung



SITI AZIELAH WAHI

KUALA LUMPUR - Dua rakan dihukum gantung sampai mati selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengedar pelbagai jenis dadah 123.052kg, tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Azman Abdullah membuat keputusan itu terhadap Ong Cheng Yaw, 33, dan San Kim Huat, 38, selepas mendapati pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah.

"Pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes terhadap kesemua pertuduhan tanpa sebarang keraguan munasabah," katanya.

Cheng Yaw yang merupakan seorang peniaga dan Kim Huat, seorang deejay kelab malam didakwa bersama-sama mengedar dadah jenis methamphetamine seberat 95.016 kg, methylenedioxymethamphetamine (MDMA-ekstasi) seberat 26.791 kg dan ketamine seberat 1.245kg di sebuah rumah di Jalan Denai Selatan, Desa Park City, Kepong pada 12 Mei 2015.

Mereka yang diwakili peguam Datuk Hariharan Tara Singh didakwa mengikut Seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Zalina Awang@Mamat.

Seramai 11 saksi pendakwaan dan lima saksi pembelaan telah dipanggil memberi keterangan sepanjang tempoh perbicaraan yang bermula pada 21 Februari 2017.